ASNB Wakaf

Pemberian yang berterusan tanpa putus untuk selamanya



ASNB Wakalah

Wakaf ASNB

Wakaf ASNB adalah platform untuk pemegang unit mewakafkan pelaburan unit amanah ASNB mereka melalui gabungan konsep pelaburan dan wakaf bagi memastikan sumbangan mereka kekal berterusan.

Unit amanah yang diwakafkan oleh pemegang unit akan kekal sebagai pelaburan pokok dan hanya pulangan hasil daripada pelaburan ini akan disalurkan ke projek wakaf berkepentingan negara yang dikenal pasti untuk pembangunan masyarakat dan ummah.

Konsep Wakaf ASNB

Projek wakaf akan menerima sumbangan hasil daripada pulangan pelaburan unit amanah yang diwakafkan. Dana unit amanah yang diwakafkan akan kekal untuk menjana pulangan pelaburan secara berterusan untuk tahun-tahun berikutnya.

Pelaburan unit amanah sedia ada diwakafkan

Pelabur boleh mewakafkan sebahagian daripada Unit Amanah yang sedia ada.

↓ *Akad Wakaf*

Unit yang diwakafkan dikekalkan sebagai prinsipal wakaf

Unit yang diwakafkan akan dikekalkan di akaun wakaf khas yang dipegang Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sebagai Pemegang Amanah.

↓ *Pulangan pelaburan daripada sumbangan pewakaf*

Pengagihan pendapatan unit wakaf diagihkan untuk kebajikan

Hasil pengagihan pendapatan/bonus daripada prinsipal wakaf tersebut akan diagihkan kepada projek kebajikan dan pembangunan ummah secara berterusan ke seluruh Malaysia.

Terma dan syarat Wakaf ASNB

Kelayakan

Pemegang unit ASNB berumur 18 tahun dan ke atas, seorang yang waras dan tidak muflis.

Unit-unit yang dibenarkan

Unit amanah harga tetap ASNB sahaja.

Unit-unit milik penuh/mutlak sahaja. Unit yang bercagar (pembiayaan) dan unit yang perlu dikekalkan (*blocked units*) untuk Hibah Amanah/Pengisytiharan Amanah tidak dibenarkan.

Jumlah minimum wakaf

1,000 unit

Jumlah maksimum wakaf

Tiada had. Pemegang unit perlu mengekalkan baki minimum pelaburan tabung berkaitan (seperti yang terkandung dalam prospektus terkini).

Had maksimum individu ASB & ASB 2

Unit yang diwakafkan daripada Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) adalah termasuk dalam jumlah had maksimum pelaburan individu bagi kedua-dua dana tersebut.

Konsep Wakaf Muabbad

Bersifat kekal di mana unit-unit yang telah diwakafkan tidak boleh dipulangkan semula, dibatalkan atau dibuat pindaan.

Apabila permohonan berjaya, unit-unit yang diwakafkan akan dipindah milik ke akaun MAIWP bagi tabung unit amanah yang didaftarkan di ASNB secara serta-merta. Pewakaf tidak boleh menuntut unit-unit yang telah diwakafkan kerana ianya tidak lagi menjadi milik pewakaf.

Yuran permohonan

Tiada sebarang yuran permohonan dikenakan.

MAKLUMAT PEWAKAF

NAMA

NOMBOR MYKAD

NOMBOR TELEFON BIMBIT

E-MEL

UNIT AMANAH UNTUK DIWAKAFKAN

BIL	TABUNG UNIT AMANAH	UNIT WAKAF*
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		

*Nota: Harga seunit bagi unit amanah harga tetap adalah RM1.00

LAFAZ WAKAF ASNB

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Saya dengan suci hati, waras dan tanpa paksaan dengan ini mewakafkan unit Amanah ASNB saya seperti di atas untuk saya sendiri / _____

(pihak ketiga) kerana Allah Taala dan saya mewakilkan ASNB Wakalah Sdn Bhd untuk menguruskan unit wakaf tersebut demi kebajikan dan kepentingan ummah.

MAKLUMAT PENERIMA NOTIS/WAKIL/WARIS*

NAMA

NOMBOR MYKAD

NOMBOR TELEFON BIMBIT

E-MEL

*Pelabur mempunyai pilihan untuk menamakan seorang penerima notis/wakil/waris sebagai penerima makluman berkaitan sumbangan wakaf selepas pewakaf meninggal dunia.

- Borang ini adalah untuk kegunaan dalaman sahaja -

Kelebihan Wakaf ASNB

Potongan Cukai Pendapatan

Pewakaf layak mendapat potongan cukai menyamai jumlah yang diwakafkan tertakluk kepada 10% daripada pendapatan agregat pewakaf bagi tahun taksiran tersebut. Sumbangan Wakaf ASNB ini layak mendapat potongan cukai di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Dana wakaf yang berterusan

Gabungan konsep pelaburan dan wakaf di mana dana yang diwakafkan kekal menjana pulangan pelaburan untuk disalurkan ke projek-projek wakaf.

Pengiktirafan sebagai Mutawalli

ASNB Wakalah Sdn. Bhd. adalah institusi pengurusan wakaf yang diiktiraf sebagai Mutawalli oleh MAIWP yang berfungsi sebagai syarikat wakaf korporat. ASNB Wakalah Sdn. Bhd. akan mengurus dan mentadbir dana wakaf secara menyeluruh bermula daripada mengumpul, mengurus dan mentadbir dana wakaf serta melaksanakan pemilihan dan menyalurkannya kepada projek wakaf.

Tadbir urus telus dan informatif

Pewakaf akan menerima laporan tahunan yang mengandungi maklumat dana wakaf terkumpul, hasil pulangan pelaburan daripada dana wakaf dan agihan sumbangan ke projek-projek wakaf. Penyata tahunan yang mengandungi maklumat wakaf yang disumbangkan oleh pewakaf tersebut berserta hasil pulangannya akan turut diberikan. Kesemua projek sumbangan wakaf adalah telus dan melalui proses ketekunan wajar.

Makluman wakaf akan diteruskan kepada waris/penerima notis yang dilantik

Pewakaf boleh melantik waris/penerima notis yang akan mendapat maklumat berterusan berkaitan dana wakafnya walaupun selepas pewakaf meninggal dunia.

Permohonan mudah

ASNB menyediakan saluran secara dalam talian di portal dan aplikasi myASNB serta di semua cawangan ASNB dan cawangan Ejen ASNB yang terpilih untuk pendaftaran Wakaf ASNB.

Sektor agihan projek Wakaf



KESIHATAN

- Projek sektor kesihatan seperti pembelian peralatan hospital untuk rawatan golongan yang memerlukan serta bantuan untuk pesakit kronik seperti kanser, jantung, buah pinggang dan lain-lain.



PENDIDIKAN

- Projek sektor pendidikan seperti pembelian buku, peralatan pembelajaran untuk pelajar miskin, bantuan pendidikan kepada pusat pendidikan dan golongan-golongan lain yang memerlukan.
- Pusat pengajian tinggi yang mempunyai pusat wakaf untuk membantu pelajar dari segi kos pendidikan dan kelengkapan asas.



PEMERKASAAN KOMUNITI

- Sektor pemerkasaan masyarakat seperti bantuan membina rumah atau keperluan asas untuk golongan yang memerlukan seperti ibu tunggal, fakir miskin dan gelandangan.
- Keperluan umum seperti pengubahsuaian, pembelian kelengkapan sekolah, bantuan sumbangan kepada rumah kebajikan, masjid/surau, pusat jagaan orang tua, OKU dan rumah anak yatim.



MISI KEMANUSIAAN

- Misi kemanusiaan terutamanya golongan memerlukan, mangsa banjir atau bencana alam yang lain.
- Bantuan makanan bagi golongan yang sangat memerlukan di sekitar kawasan bencana.

Mulakan wakaf anda bersama Wakaf ASNB

myASNB

Muat turun

Atau layari **www.myasnb.com.my**

32 Cawangan ASNB

Ejen ASNB yang terpilih

Imbas untuk info lanjut
Atau layari **asnb.my/wakaf**

"Apabila mati anak Adam, maka terputus segala amalannya kecuali tiga iaitu sedekah jariah (harta yang diwakafkan), ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang mendoakannya." - (Riwayat Muslim)

Semoga harta yang diwakafkan menjadi salah satu sumbangan kebajikan kita sepanjang hidup dan berterusan selamanya.

03-7730 8899 | www.asnb.com.my

Amanah Saham Nasional Berhad · ASNBmy_official · ASNBmy · ASNBmy · ASNBmy

Amanah Saham Nasional Berhad | 197901003200 (47457-V) • Syarikat Unit Amanah Permodalan Nasional Berhad | 197801001190 (38218-X)

ASNB Wakaf

Lasting contributions that never stop flowing into eternity



ASNB Wakalah

Wakaf ASNB

Wakaf ASNB is a platform for unit holders to contribute their ASNB unit trust investments through the concept of investment and wakaf to ensure that their contribution remains continuous.

Unit holders' wakaf contributions will be retained as the principal investment and only the returns from this investment will be channelled to identified national wakaf projects that aim towards the development of community and *ummah*.

Wakaf ASNB concept

The wakaf project will receive contributions from the investment returns of the wakaf fund. The wakaf fund will be retained to generate investment returns continuously for years to come.

Wakaf some of your unit trust investment

Unit holders can wakaf (endow) some of their existing unit trust investment.

Wakaf Akad

The wakaf unit retained as wakaf principal

The wakaf units will be maintained in a special wakaf account held by the Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) as a Trustee.

Investment returns from the wakaf fund

Wakaf units' income distribution distributed for charity purposes

Income distribution/bonus from the wakaf principal will be distributed for charitable and community development projects continuously throughout Malaysia.

Terms and conditions of Wakaf ASNB

Eligibility

Unit holders aged 18 years and above, of sound mind and not declared as bankrupt.

Unit's eligibility

ASNB's fixed price funds only.

Fully/absolutely owned units only. Secured units (financing) and units that need to be maintained (blocked units) for Hibah Amanah/Declaration of Trust are not allowed.

Minimum wakaf amount

1,000 units

Maximum wakaf amount

No limit. Unit holders need to maintain unit balance at a minimum investment amount of the respective fund (as per stated in the latest prospectus).

Individual maximum limit for ASB & ASB 2

The wakaf units from Amanah Saham Bumiputera (ASB) and Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) will also be included in the total individual maximum limit for both funds.

Wakaf Muabbad concept

Irrevocable and the amount of wakaf cannot be re-claimed, returned, cancelled or amended.

Once an application is successful, the wakaf units will be transferred immediately to MAIWP's account for the unit trust funds registered with ASNB. The wakaf donor has no right to re-claim the wakaf units as the units are no longer under their ownership.

Application fee

No application fee.

MAKLUMAT PEWAKAF

NAMA

NOMBOR MYKAD

NOMBOR TELEFON BIMBIT

E-MEL

UNIT AMANAH UNTUK DIWAKAFKAN

BIL	TABUNG UNIT AMANAH	UNIT WAKAF*
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		

*Nota: Harga seunit bagi unit amanah harga tetap adalah RM1.00

LAFAZ WAKAF ASNB

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Saya dengan suci hati, waras dan tanpa paksaan dengan ini mewakafkan unit Amanah ASNB saya seperti di atas untuk saya sendiri / _____

(pihak ketiga) kerana Allah Taala dan saya mewakilkan ASNB Wakalah Sdn Bhd untuk menguruskan unit wakaf tersebut demi kebajikan dan kepentingan ummah.

MAKLUMAT PENERIMA NOTIS/WAKIL/WARIS*

NAMA

NOMBOR MYKAD

NOMBOR TELEFON BIMBIT

E-MEL

*Pelabur mempunyai pilihan untuk menamakan seorang penerima notis/wakil/waris sebagai penerima maklumat berkaitan sumbangan wakaf selepas pewakaf meninggal dunia.
- Borang ini adalah untuk kegunaan dalaman sahaja -

Advantages of Wakaf ASNB

Income tax deduction

Wakaf donors are eligible for a tax deduction equivalent to the wakaf amount (endowment), subject to 10% of the wakaf donor's aggregate income for that assessment year. Wakaf ASNB is eligible for a tax deduction under Subsection 44(11C) of the Income Tax Act 1967.

Wakaf fund that lasts forever

A combination of investment and wakaf concept where the wakaf fund will continuously generate investment returns which will be channelled to wakaf projects.

Recognition as a Mutawalli

ASNB Wakalah Sdn. Bhd. is a wakaf institution recognised as a Mutawalli by MAIWP which functions as a corporate wakaf company. ASNB Wakalah Sdn. Bhd. manages and administers the wakaf fund end-to-end, starting from collecting, managing and governing the wakaf fund, identifying and distributing to wakaf projects.

Transparent governance and informative

Wakaf donors will receive annual reports containing information on the accumulated wakaf fund, investment returns from the wakaf fund and distribution of wakaf to charitable projects. Wakaf donors will also receive annual statements containing information on their own wakaf fund and its investment returns. All wakaf contribution projects are transparent and undergo a due diligence process.

Updates on wakaf will continue to be provided to their next of kin/appointed notice recipient

Wakaf donors can appoint their next of kin/ notice recipient who will receive regular updates on their wakaf contributions upon their death.

Easy application

ASNB provides online channels through the myASNB portal and application, as well as at all ASNB branches nationwide and selected ASNB Agents for the registration of Wakaf ASNB.

Wakaf project distribution sector



HEALTH

- Projects related to the health sector such as purchases of hospital equipment to help the treatment of the needy, as well as assistance for chronic patients with cancer, kidney diseases, heart diseases or other illnesses.



COMMUNITY EMPOWERMENT

- The community empowerment sector includes building houses and providing other necessities for those in need, including single mothers, the poor, and the homeless.
- Other general needs such as renovations, purchases of equipment for schools, assistance to welfare homes, mosques, care centres for the elderly, disabled (OKU) centres and orphanages.



EDUCATION

- The education sector includes basic education needs such as books and learning equipment for less fortunate students, as well as educational assistance to education centers and other groups in need.
- Higher learning institutions that have wakaf centres that provide financial aids to students to lessen the burden of education costs and basic necessities.



HUMANITARIAN MISSION

- Humanitarian missions especially for the needy, victims of flood or other natural disasters.
- Food aids for the needy in disaster areas.

Start your wakaf with Wakaf ASNB

myASNB

Download now

Or visit **www.myasnb.com.my**

32 ASNB branches

Selected ASNB Agents

Scan for more info
Or visit **asnb.my/wakaf**

"When a person dies, his deeds come to an end except for three things: a sadaqah jariyah (ceaseless charity), or a knowledge which is beneficial, or a righteous child who prays for him." - (Hadith Muslim)

May the endowment be one of our lifelong contributions and continues until eternity.

03-7730 8899 | www.asnb.com.my

Amanah Saham Nasional Berhad | ASNBmy_official | ASNBmy | ASNBmy | ASNBmy

Amanah Saham Nasional Berhad | 197901003200 (47457-V) • A Permodalan Nasional Berhad Unit Trust Company | 197801001190 (38218-X)